

**Payung Rahmah diperkenal Salahuddin akan diteruskan**

HARAPAN DAILY HARAPAN DAILY July 26, 2023 8:22 am



Kerajaan akan meneruskan dan memastikan Inisiatif Payung Rahmah yang diperkenalkan oleh Allahyarham Datuk Seri Salahuddin Ayub dilaksanakan dengan terancang demi kemaslahatan rakyat dan kesejahteraan negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, semoga pelaksanaan itu secara berterusan akan menjadi sebahagian daripada amal jariah yang terus mengalir untuk Salahuddin.

"Sesungguhnya pemergian Allahyarham secara mendadak meninggalkan kesan yang amat mendalam kepada kita semua terutama rakyat yang telah menikmati manfaat dari legasi Allahyarham menerusi Inisiatif Payung Rahmah.

"Pemergiannya merupakan satu kehilangan besar kepada KPDN, rakyat dan negara kerana kepimpinan beliau banyak memberi impak positif kepada usaha-usaha menangani isu kos sara hidup," katanya dalam satu kenyataan.

Untuk rekod, setakat 30 Jun lalu, terdapat 2,922 pengusaha makanan di seluruh negara menyertai inisiatif Payung Rahmah.

Salahuddin pada 18 Julai lalu dilapor berkata, sebanyak 19 pasar raya besar dan pasar raya rangkaian di 215 kawasan Parlimen terbabit menyertai Jualan Rahmah.

Bagi Pakej Rahmah pula, beliau memaklumkan sembilan rakan strategik terlibat manakala 75,842 Bakul Rahmah turut diedarkan di seluruh negara.

Dalam masa sama, Fuziah turut menyatakan rasa syukur terhadap kerjasama yang diberikan oleh pelbagai pihak terutamanya pengurusan dan barisan pegawai perubatan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB), Alor Setar, Kedah.

Beliau juga berterima kasih kepada pegawai KPDN di semua peringkat yang telah menyelaraskan kerja diperlukan bagi melancarkan pengurusan dan pengebumian.

"Terima kasih juga kepada Menteri Pengangkutan, Anthony Loke yang bersetuju menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara khas untuk membawa jenazah Allahyarham dari Alor Setar ke Johor.

"Begitu juga dengan kru dan kakitangan Malaysia Airlines Bhd (MAS) dan Lapangan Terbang Alor Setar serta Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor yang telah menguruskan pemindahan jenazah dari Alor Setar hingga ke Tanjung Piai," kata Fuziah lagi.